



JKSM /100-24/5 Jld. 4 ( 27 )

29 Jamadilawwal, 1428H/  
15 Jun, 2007M


**Y.A.A Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah  
Negeri-negeri**

**Arahan Amalan No. 14 Tahun 2007  
Susunan Waris Yang Bertanggunggan Membayar Nafkah**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2007 pada 28hb. hingga 30 Rabiulawwal, 1428H bersamaan 16hb. hingga 18hb. April 2007 di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan amalan berhubung dengan orang-orang yang bertanggunggan mengikut Hukum Syarak yang boleh diperintahkan membayar nafkah bagi seseorang tertentu mengikut peruntukan Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri ialah waris-waris lelaki mengikut tertib `asobah dalam faraid.

2. Sekiranya waris-waris lelaki tiada atau tidak berupaya, Mahkamah boleh memperakukannya kepada Baitulmal untuk membayar nafkah tersebut.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.

  
(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.  
PUTRAJAYA